

29 AUG 1997

#### MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN SEHARI KE KELANTAN

KOTA BAHARU, 29 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja sehari ke Kelantan.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, disambut oleh pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) diketuai Pengerusi BN Kelantan, Datuk Annuar Musa, Naib Pengerusi BN Kelantan, Datuk Mustapa Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan Perdana pada Majlis Perhimpunan Rakyat di Sekolah Menengah Cherang Ruku, Semerak, Pasir Puteh kira-kira jam 5.30 petang. Majlis itu bagi merasmikan penutupan konvensyen Umno Kelantan yang bermula semalam.

Lawatan Perdana Menteri itu juga adalah bagi meraikan kemenangan BN pada pilihan raya kecil Dewan Undangan negeri Kelantan kawasan Semerak pada 11 Ogos lepas yang menyaksikan calon BN Kamaruddin Mohd Nor menang dengan majoriti 778 undi, mengalahkan calon Pas Wan Fauzi Wan Hussain dan calon Parti Angkatan Keadilan Insan Malaysia Mohd Din Nizamdin.

Yang akan turut berucap pada perhimpunan itu ialah Annuar dan Kamaruddin, yang juga ketua Bahagian Umno Pasir Puteh.

Pada perhimpunan itu, Dr Mahathir akan menerima "Deklarasi Semerak" -- iaitu asas baru perjuangan BN merampas kembali pemerintahan kerajaan negeri dari Pas, yang diluluskan hasil konvensyen Badan Perhubungan Umno Kelantan yang diadakan selama dua hari mulai semalam.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah dijangka berlepas ke Kuala Lumpur pada pukul 7 malam ini. -- BERNAMA

ZI AHH